

**SOALAN-SOALAN LISAN
MESYUARAT KELIMA TAHUN PERTAMA
DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS
PERAK DARUL RIDZUAN**

PADA 8 DISEMBER 2023 (JUMAAT)

1. YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN (BEHRANG)

Adakah Kerajaan Negeri bercadang memperkasakan pusat pentadbiran kerajaan khusus untuk daerah Muallim memandangkan masih ada sektor perkhidmatan awam ini yang masih terikat dengan pembuat keputusan dan peruntukkan di Batang Padang?

2. YB ENCIK MOHAMAD AMIN BIN ROSLAN (PENGKALAN HULU)

PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH

a) Apakah SOP atau mekanisme yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri dalam mengekang kesan kepada ekosistem sekitar, terutamanya kepada sungai hasil kegiatan aktiviti perlombongan bijih timah?

b) Sejauh mana komitmen yang telah diberikan oleh pihak berkenaan dalam mengawal selia setiap sisa-sisa perlombongan yang ada, kerana ia tetap mendatangkan impak negatif kepada alam sekitar penduduk setempat?

3. YB PUAN NORHASLINDA BINTI ZAKARIA (PANGKOR)

Memandangkan 2024 merupakan Tahun Melawat Perak, tidakkah Lumut dan Pulau Pangkor berada dalam senarai kerajaan negeri sebagai destinasi untuk merencanakan kedatangan pelancong. Apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan bagi membantu pemain-pemain industri di Pulau Pangkor iaitu Pulau Bebas Cukai meningkatkan prestasi mereka?

4. YB ENCIK TIW TEE SIANG (TRONOH)

Sila nyatakan status kerja-kerja penyelenggaraan lampu jalan di Lebuhraya Ipoh-Lumut (FT5) secara terperinci.

a) Apakah pelan tindakan kerajaan bagi kawasan yang gelap dan sering berlaku kemalangan khususnya di persimpangan Jalan Lahat, Pusing dan Lebuhraya Jelapang-Lumut yang berdekatan dengan BHPetrol Ipoh-Lumut Highway?

b) Adakah kerajaan berhasrat untuk mengecat 'reflective road line' yang telah pudar dan memasang 'reflective road stud' bagi bahagian kawasan Pusing sehingga Tronoh demi keselamatan pengguna jalanraya Lebuhraya Ipoh-Lumut?

5. YB TUAN SYED LUKMAN HAKIM BIN SYED MOHD ZIN (CHENDEROH)

Kerajaan Negeri Perak melalui Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada awal Ogos tahun ini telah mengumumkan untuk mewujudkan pasukan khas bagi menangani isu projek perumahan sakit dan terbengkalai. Apakah status pengwujudan pasukan khas tersebut dan apakah pelaksanaan yang telah dilakukan bagi menangani kedua-dua masalah projek perumahan sakit dan terbengkalai ini?

6. YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN (SUNGAI MANIK)

Kesihatan Mental

Isu atau masalah kesihatan mental serta tekanan emosi antara isu kesihatan awam yang menjadi semakin penting pada hari ini.

1. Apakah usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam memberikan kesedaran kepada rakyat negeri berkaitan kesihatan mental ini?
2. Apakah statistik berkaitan permasalahan kesihatan mental di Negeri Perak?

7. YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN (PASIR PANJANG)

a) Berapakah jumlah permohonan bantuan Kad Perak Sejahtera yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri pada tahun 2023? Mohon dinyatakan jumlah yang lulus mengikut DUN.

b) Nyatakan syarat-syarat untuk melayakkan pemohon mendapatkan kad tersebut.

8. YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY (HUTAN MELINTANG)

GELANGGANG FUTSAL BELIA

Sila senaraikan jumlah gelanggang futsal di seluruh Negeri Perak mengikut DUN. Adakah Kerajaan Negeri memberi peruntukan bagi baik pulih gelanggang tersebut. Jika ada, berapakah peruntukkan bagi setiap DUN untuk kos baik pulih tersebut.

9. YB ENCIK ZAFARULAZHAN BIN ZAN (KAMPONG GAJAH)

Apakah perancangan pihak Kerajaan dalam menangani gejala ponteng solat Jumaat dikalangan rakyat beragama Islam. Sejauhmana penguatkuasaan enakmen syariah digunapakai bagi menangani masalah ini?

10. YB PUAN KOO HAAI YEN (KERANJI)

Tahun Melawat Perak 2024

- a) Sila nyatakan apakah sasaran pengunjung ke Negeri Perak pada tahun 2024.
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat memasukkan dan mempromosikan tempat pelancongan Kampar ke dalam Tahun Melawat Perak 2024?
- c) Apakah jumlah hasil dan limpahan ekonomi yang dijangka akan dibawa Tahun Melawat Perak 2024?

11. YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI (KUALA KURAU)

Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menangani isu kekurangan bekalan beras putih tempatan (SST) di pasaran sekarang?

12. YB ENCIK CHEAH POU HIAN (JELAPANG)

Sebagai persediaan menyambut Tahun Melawat Perak 2024 dan Tahun Melawat Malaysia 2025, pendekatan menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah Ipoh adalah "segera". Seperti yang dimaklumkan, negeri kita akan mendapat banyak manfaat daripada inisiatif ini, oleh itu, saya ingin bertanya apakah status projek naik taraf lapangan terbang setakat ini?

13. YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)

Masalah rumah dan kedai terbiar?

- i. Sila jelaskan bilangan bangunan, rumah, kedai yang terbiar mengikut daerah?
- ii. Apakah pendekatan pihak Kerajaan untuk menandatangani masalah ini agar bangunan-bangunan ini terus dibiarkan sahaja, dalam keadaan pemilik masih ada?
- iii. Bagaimana pihak kerajaan untuk menyelesaikan harta rumah dan kedai bagi pemilik yang telah meninggal dunia serta tiada waris?

14. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)

Program Bantuan Kad Perak Sejahtera

- (i) Sila nyatakan senarai nama penerima Kad Perak Sejahtera di kawasan DUN Canning sejak tahun 2022 dan 2023.
- (ii) Apakah statistik terkini penerima Kad Perak Sejahtera DUN Canning?
- (iii) Sila nyatakan apakah kelemahan yang dikenalpasti dalam proses mempercepatkan kelulusan setiap permohonan

15. YB ENCIK ISHSAM BIN SHAHRUDDIN (AYER KUNING)

Masalah berkaitan haiwan ternakan lembu kerbau yang semakin membimbangkan di sekitar kawasan Dun Ayer Kuning sehingga menyebabkan kemalangan yang meragut nyawa pemandu jalanraya.

1. Adakah kerajaan berhasrat untuk menggubal undang undang sedia ada bagi memastikan penternak haiwan berikut untuk memastikan haiwan ternakan tidak berkeliaran khususnya di jalanraya?
2. Apakah tindakan drastik jabatan berkaitan dalam mengawal selia penternak sedia ada bagi memastikan haiwan ternakan tidak merayau di jalanraya?

16. YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN (BUNTONG)

Tahun 2024 telahpun diumumkan sebagai Tahun Melawat Perak. Apakah perancangan kerajaan negeri untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam khususnya di Bandaraya Ipoh supaya pelancong-pelancong dalam dan luar negara dapat bergerak secara mudah di Ipoh, Perak?

17. YB ENCIK NGA KOR MING (KEPAYANG)

Tahun melawat Perak 2024

Minta YAB Menteri Besar Perak nyatakan apakah langkah-langkah persiapan kerajaan negeri untuk memastikan Tahun Melawat Perak 2024 menjadi satu kejayaan?